PUSAT ASASI
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

# SPeTiPA
## SEMINAR KEBANGSAAN PENGAJIAN TINGGI PERINGKAT ASASI 2016

Buku e-Prosiding

**SEBARAN ILMU PENGAJIAN TINGGI PERINGKAT ASASI**

23 OGOS 2016

Hotel Grand Bluewave, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

PUSAT ASASI
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

# Contents

MEKANISME PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT: KAJIAN DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS) .......... 3

Abdul Hadi Awang, Hamid Mat Isa, Dr. Mohd Faisal Mohamed .......... 3

STUDENTS' READINESS TOWARDS THE ADOPTION OF BLENDED LEARNING IN ENGLISH LITERATURE COURSES .......... 11

Nujaidah Nuwairi & Siti Hawa Muhamad .......... 11

**تحليل حاجات دارسي الدراسات الإسلامية تعلم اللغة العربية لدى طلبة كلية مركز أساسي** .......... 16

عبد الهادي عبد الرحيم ،خير الأكبر بن خالب ،نور حظلنا بنت محمد نور حظلي، محمد فائز مؤمن بن عبد المطلب .......... 16

PERSEKITARAN PEMBELAJARAN PELAJAR PRA-UNIVERSITI .......... 34

Fathin Amira Lotfi 'Amer, Nurmaizatul Hazirah Mustaffa .......... 34

# MEKANISME PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT: KAJIAN DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)

Abdul Hadi Awang, Hamid Mat Isa, Dr. Mohd Faisal Mohamed

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*abdulhadi@kuis.edu.my, hamid@kuis.edu.my,*

ABSTRAK

Pengurusan agihan zakat merupakan satu isu lama tetapi sentiasa menjadi perhatian para sarjana, pusat zakat mahupun masyarakat. Hal ini kerana masing-masing sangat mengambil berat soal agihan zakat lantaran amanah Allah yang telah disebutkan di dalam al-Quran. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis mekanisme pengurusan agihan zakat di Lembaga Zakat Selangor (LZS) agar objektif sebenar zakat dapat dicapai. Kajian ini menggunakan metodologi tinjauan literatur dan temubual pegawai-pegawai zakat di LZS. Kajian awal mendapati bahawa mekanisme pengurusan agihan zakat oleh LZS sangat efektif dan sesuai dengan objektif sebenar zakat. Kajian ini mencadangkan supaya usaha yang telah dilakukan perlu diteruskan dengan penambahbaikan dari masa ke masa agar pengurusan agihan zakat ini terus releven pada setiap masa.

Kata kunci: *Mekanisme pengurusan zakat, agihan zakat, Lembaga Zakat Selangor (LZS).*

**PENGENALAN**

Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam yang lima. Perlaksanaan menunaikan zakat adalah wajib ke atas seluruh umat Islam yang mukallaf dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pensyariatan ini merupakan satu manifestasi ibadah seorang hamba dalam mempamerkan ketundukan terhadap PenciptaNya sekaligus membersihkan serta mensucikan jiwa dan harta daripada kepentingan nafsu dan peribadi. Menelusuri sejarah lampau, kewajipan berzakat telah disyari'atkan Allāh S.W.T. kepada para Nabi dan Rasul, sepertimana yang telah

dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim A.S, Nabi Ismail A.S, Nabi Musa A.S, dan Nabi Isa A.S (Anwar 2014).

Kesempurnaan ibadah zakat tidak hanya dilihat dari sudut pembayaran semata, tetapi Islam juga amat menitikberatkan soal pengagihan zakat yang berlandaskan syarak. Justeru, institusi zakat berperanan besar dalam konteks mewujudkan keadilan dalam pengagihan semula kekayaan (Hasan Bahrom 2006).

Di Malaysia amnya, zakat ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Kamil, 2002; Md. Zyadi & Mariani, 1999; Ram Al Jaffri, 2010) dan di Selangor khususnya dikelola oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Menurut Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad (2014), dalam tempoh 15 tahun LZS telah beroperasi, pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan perkhidmatan yang diberi adalah yang terbaik seiring dengan pengagihan zakat. Berbagai bentuk bantuan telah diberikan kepada mereka yang memerlukan terutama kepada golongan fakir dan miskin. Malah LZS sendiri telah menjadi rujukan kepada institusi zakat yang lain baik di dalam negeri mahupun di luar seperti Brunei, Singapura dan lndonesia bagi mempertingkatkan aktiviti serta kualiti pengurusan agihan zakat.

## 2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis mekanisme pengagihan zakat di LZS kepada asnaf-asnaf di negeri Selangor. Kajian ini penting bagi menilai keberkesanan mekanisme pengagihan zakat bagi mencapai objektif yang telah digariskan dalam Islam.

## 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini menggunakan methode pengumpulan data melalui kaedah tinjauan literature dan temubual mendalam dengan pegawai-pegawai zakat LZS. Data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah deduktif, induktif dan komparatif.

## 4.0 ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Menurut Nazira Alias (2006) dipetik daripada buku Lisan al-Arab karangan Ibn Manzur, kalimah zakat adalah berasal daripada perkataan arab (زكي - يزكى) yang membawa erti bertambah, berkembang dan menyucikan. Makna perkataan zakat dinukilkan oleh para ulama fiqh dalam kitab mereka beserta beberapa potongan ayat al-Quran.

Antaranya :

a) Berkembang (النماء) , bertambah (الزيادة) atau berkat (البركة) kerana

hikmah apabila kewajipan zakat ditunaikan adalah harta tidak akan berkurang, malah akan semakin bertambah selain melimpahkan keberkatan kepada harta tersebut.

b) Bermakna suci (الطهارة) daripada kekotoran kerana pemberi zakat tersebut telah menyucikan diri daripada sifat bakhil dan kikir, mementingkan diri, selain membersihkan diri daripada dosa. Sepertimana firman Allah S.W.T :

﴿قد أفلح من زكاها﴾

Maksudnya:

*Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwanya (dengan iman dan amal kebajikan)* Surah al-Shams 91:9).

c) Zakat juga memberi makna pembaikan dan takwa ( الصلاح ) seperti dalam firman Allah S.W.T :

﴿ألم تر إلى الذين يزكون أنفسهم بل الله يزكي من يشاء ولا يظلمون فتيلا﴾

Maksudnya:

*Tidakkah engkau memperhatikan orang yang menganggap dirinya suci (Yahudi dan Nasrani)? Bahkan Allah jualah yang menyucikan diri siapa yang dikehendakiNya dan mereka tidak dizalimi sedikitpun.* Surah al-Nisa 4:49)

Menurut takrifan dari sudut bahasa, perbuatan ini dinamakan zakat kerana harta yang dikeluarkan melalui zakat tidak berkurang, bahkan akan lebih berkembang di atas keberkatannya melalui doa oang yang menerima harta tersebut. Ia juga menyucikan semua harta yang berbaki daripada sumber yang syubhah. Adapun makna zakat dari sudut istilah para fuqaha adalah berbeza, namun ia tidaklah menjejaskan apa-apa hak atau tuntutan penunaian zakat itu sendiri. Antaranya:

a) Ulama Maliki memberi takrifan yang terperinci dengan mentakrifkannya sebagai " mengeluarkan sebahagian yang tertentu daripada harta yang tertentu, yang mencukupi *nisab*, kepada orang yang berhak ke atasnya, jika sempurna milik dan *hawl*, tetapi bagi barang galian dan tanaman tidak dikira *hawl*.

b) Ulama Hanafi pula mentakrifkan zakat sebagai memberi milik sebahagian harta yang tertentu daripada harta yang tertentu kepada orang yang tertentu yang ditentukan syara' kerana Allah S.W.T.

c) Ulama Syafi'i memberi erti zakat sebagai "nama kepada sesuatu yang dikeluarkan daripada harta atau badan mengikut cara yang tertentu".

d) Ulama Hanbali pula mentakrifkannya sebagai "suatu hak yang wajib pada harta yang tertentu untuk diberikan kepada sekumpulan yang tertentu pada waktu yang tertentu".

Kesimpulannya, zakat adalah sebahagian harta yang dikeluarkan oleh golongan yang

memenuhi syarat-syarat tertentu yang hartanya cukup *hawl* dan *nisab*, diberikan kepada golongan tertentu yang telah ditetapkan syarak pada suatu tempoh tertentu. Zakat yang dikeluarkan tidak mendatangkan kerugian terhadap individu, bahkan ia menambah dan membersihkan harta serta menjaganya daripada kerosakan. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam surah al-Tawbah :

﴿ خذ من أموالهم صدقة تطهرهم وتزكيهم بها وصل عليهم إن صلاتك سكن لهم والله سميع عليم ﴾

Maksudnya:

*Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.* (Surah al-Tawbah 9:103)

**Kutipan Dan Agihan Zakat Lembaga Zakat Selangor (2010-2014)**

**Jadual 1.1 : Jumlah Kutipan Zakat Keseluruhan (Perbandingan Tahun 2010-2014)**

| BIL | TAHUN | KUTIPAN (RM) | KADAR KENAIKAN (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | 2010 | 336,934,522 | |
| 2 | 2011 | 394,103,904 | 17.0 |
| 3 | 2012 | 451,325,027 | 14.5 |
| 4 | 2013 | 517,305,275 | 14.6 |
| 5 | 2014 | 582,255,890 | 12.6 |

Jadual 1.1 menunjukkan jumlah kutipan zakat yang meningkat dari tahun 2010-2014 oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Pada tahun 2014 mencatat jumlah kutipan paling tinggi dengan jumlah RM 582,255,890. Ia mencatat peningkatan sebanyak 12.6% dari tahun 2013. Kutipan zakat yang diterima oleh LZS ini adalah berdasarkan pecahan kutipan keseluruhan yang terdiri daripada zakat harta dan zakat fitrah. Keseluruhan jumlah kutipan zakat dari tahun 2010 hingga 2013 bernilai RM 2,281,924,618.

**Jadual 1.2 : Jumlah Keseluruhan Agihan Zakat Mengikut Asnaf (Perbandingan Tahun 2010-2014)**

| BIL | TAHUN | AGIHAN (RM) | KADAR KENAIKAN (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | 2010 | 330,364,503 | |
| 2 | 2011 | 373,465,626 | 13.0 |
| 3 | 2012 | 401,717,682 | 7.6 |
| 4 | 2013 | 463,472,826 | 15.4 |
| 5 | 2014 | 595,745,640 | 28.5 |

Jumlah keseluruhan Agihan Zakat Mengikut Asnaf di Jadual 1.2 pula menunjukkan pada tahun 2014 mencatat jumlah yang paling tinggi di antara tahun 2010 hingga 2014 dengan jumlah RM 595,745,640. Ia mencatat peningkatan sebanyak 28.5% dari tahun 2013. Kemudian pada tahun 2012, agihan zakat yang dilaksanakan oleh LZS menunjukkan peningkatan peratusan yang paling rendah sebanyak 7.6% dari tahun 2011 dengan jumlah RM 373,465,626 kepada RM 401,717,682.

Keseluruhan agihan yang telah dijalankan oleh LZS dari tahun 2010-2014 berjumlah RM 2,164,766,277. Agihan zakat ini akan diberikan kepada 8 golongan asnaf yang berhak melalui program-program bantuan yang dirancang oleh LZS. Golongan asnaf tersebut ialah fakir, miskin, amil, muallaf, *fi sabilillah*, *ibnu sabil*, *gharimin* dan *riqab*.

**Jadual 1.3 : Jumlah Agihan Zakat Mengikut Asnaf (Perbandingan Tahun 2010-2014)**

| BIL | ASNAF | AGIHAN (RM JUTA) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
| 1 | Fakir | 50.3 | 35.5 | 44.3 | 53.4 | 73.9 |
| 2 | Miskin | 76.9 | 76.1 | 94.9 | 121.7 | 161.4 |
| 3 | Amil | 42.1 | 49.3 | 56.4 | 64.7 | 72.8 |
| 4 | Mualaf | 20 | 15.5 | 23.1 | 38.8 | 52.6 |
| 5 | Fisabilillah | 108.3 | 156 | 140.5 | 123.7 | 155.9 |
| 6 | Ibnu Sabil | 1.2 | 1.2 | 1.9 | 1.9 | 0.8 |
| 7 | Gharim | 29.1 | 32 | 33.7 | 46.1 | 55.4 |
| 8 | Riqab | 2.5 | 7.8 | 6.9 | 13.2 | 22.9 |

Jadual 1.3 menunjukkan jumlah agihan zakat mengikut asnaf telah meningkat dari tahun 2010 sehingga tahun 2014. Prestasi ini menunjukkan peningkatan terhadap kepelbagaian mekanisme pengagihan oleh LZS sendiri disamping jumlah pembayar zakat yang semakin meningkat.

Peningkatan yang memberansangkan ini disebabkan oleh banyak faktor antaranya ialah pengagihan zakat yang semakin efisien, ruang pengagihan yang dipelbagaikan, gerakan turun padang secara intensif oleh Skuad Jejak Kemiskinan (SJK), kaunter express agihan zakat yang diperluaskan, dan sebagainya.

## Mekanisme Agihan Zakat Lembaga Zakat Selangor

Lembaga Zakat Selangor (MAIS) giat memastikan keperluan asnaf terus releven dengan keperluan zaman. Institusi ini terus komited dalam membela nasib lapan golongan asnaf zakat yang disebutkan di dalam al-Quran melalui lima program pembangunan utama iaitu, Program Pembangunan Sosial, Pembangunan Ekonomi, Pembangunan Pendidikan,

Pembangunan Insan dan Pembangunan Institusi Agama.

### i. Program Pembangunan Sosial

LZS melalui Program Pembangunan Sosial telah memberi tumpuan khususnya kepada tiga asnaf utama (fakir, miskin dan mualaf) bagi memenuhi keperluan mereka. Ini sekali gus memastikan bantuan zakat yang disalurkan memberi impak signifikan kepada kehidupan asnaf. Tiga agenda utama yang diberi perhatian melibatkan penyediaan tempat berlindung, memenuhi keperluan asasi dan menjamin kebajikan para asnaf, agar mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan selesa.

### ii. Program Pembangunan Ekonomi

Program Pembangunan Ekonomi dilihat sebagai jalan keluar bagi menangani masalah kemiskinan dalam kalangan asnaf. Program ini bukan sahaja dikatakan sebagai peluang bagi golongan asnaf untuk mencipta pendapatan tetap, tetapi juga berperanan dalam mendidik mereka menjadi usahawan muslim yang berjaya dunia dan akhirat. Sebagai mekanisme jangka panjang, pengagihan bantuan ekonomi ini ibarat memberi satu peluang dengan harapan bantuan zakat ini akan melahirkan lebih ramai mereka yang boleh berdikari dan mencipta pendapatan tetap terutamanya melalui program keusahawanan. Melalui Program Bantuan Ekonomi, bantuan zakat ini diberikan khusus kepada tiga asnaf utama iaitu fakir, miskin dan mualaf.

Penubuhan MAIS Zakat Sdn. Bhd. pada tahun 2011 di bawah pentabiran MAIS sendiri menambah baik pemfokusan LZS terhadap pembangunan ekonomi asnaf dimana entiti ini menyokong penuh objektif yang disasarkan LZS. Justeru, menerusi program pembangunan inilah, pihak LZS mampu mensasarkan dalam linkungan 100 ke 200 orang asnaf yang bakal keluar dari kategori asnaf setahun.

### iii. Program Pembangunan Pendidikan

LZS amat komited memastikan anak-anak asnaf di Selangor mendapat pendidikan yang sewajarnya. Justeru itu, pelbagai bentuk bantuan pendidikan disalurkan agar tidak berlaku keciciran pelajaran dalam kalangan anak-anak asnaf. Ini bagi merealisasikan hasrat LZS untuk membentuk generasi kedua asnaf sebagai generasi cemerlang.

Anak-anak yang bakal bergelar graduan ini setidak-setidaknya berupaya membantu keluarga mereka keluar dari kelompok kemiskinan dan penerima bantuan zakat. Untuk itu, dana zakat disalurkan bermula dari peringkat pra persekolahan sehinggalah anak-anak asnaf ini menjejakkan kaki ke menara gading. Sesi persekolahan awal tahun merupakan komitmen utama LZS memastikan anak-anak asnaf dapat meneruskan pelajaran pada tahun tersebut. Saban tahun LZS menyediakan peruntukan zakat yang besar untuk tujuan ini. Bantuan yang diberikan bukan sahaja melibatkan bantuan yuran persekolahan tetapi juga

meliputi bantuan keperluan pendidikan dan juga pakaian sekolah anak-anak asnaf.

### iv. Program Pembangunan Insan

Bantuan zakat yang disediakan oleh Lembaga Zakat Selangor (MAIS) kepada asnaf fakir dan miskin tidak hanya berbentuk kebendaan dan prasarana semata-mata. Sebaliknya, LZS mengambil inisiatif menghidupkan jiwa asnaf agar mereka dapat membina kekuatan diri dan mentaliti supaya mampu mengubah diri dalam meneruskan kelangsungan hidup. Oleh yang demikian, salah satu usaha yang dilaksanakan oleh LZS bagi melahirkan golongan asnaf yang bukan sahaja berilmu malah berkeyakinan, berdaya saing, serta beriman ialah melalui Program Pembangunan Insan. Ia dirangka demi membentuk kekuatan dalaman para asnaf, di samping memupuk semangat serta menjana anjakan positif yang berterusan.

Untuk tujuan tersebut, Pusat Latihan Asnaf telah diwujudkan di Wisma MAIS, Shah Alam dan di Hulu Yam, Hulu Selangor bagi mengendalikan kursus dan program berkaitan pembangunan insan. Program ini melibatkan penyertaan daripada pelbagai tahap umur merangkumi warga emas, ibu bapa, ibu tunggal, bapa tunggal, anak-anak, belia, pelajar dan juga mahasiswa.

### v. Program Pembangunan Institusi Agama

Pada masa kini, peranan dan tanggungjawab zakat bukan sahaja membantu memenuhi keperluan asasi golongan asnaf fakir dan miskin, malahan turut berperanan memenuhi tanggungjawab sosial dalam memberi kemudahan dan keselesaan dalam bentuk prasarana kegunaan awam umat Islam.

Institusi-institusi agama seperti masjid dan surau dapat diperkasakan dengan adanya penambahbaikan hasil suntikan daripada dana zakat. Justeru, LZS telah mengambil peranan dan tanggungjawab untuk mengagihkan dana zakat yang diperoleh bagi memenuhi keperluan pembangunan institusi agama di Selangor.

## 5.0 KESIMPULAN

Zakat bukan sekadar bantuan untuk menampung kehidupan asnaf tetapi lebih penting ia membantu asnaf keluar daripada kalangan asnaf sehingga mampu menjadi pembayar zakat. Justeru, agihan dalam bentuk zakat produktif kepada asnaf yang berpotensi umpama latihan, kursus dan modal perlu diperkasakan dalam melahirkan lebih ramai usahawan yang berdikari.

## RUJUKAN

Anwar. 2014. *Undang-Undang Pentadbiran Zakat Pada Zaman Awal Islam*.Proceeding Of The International Conference On Masjid, Zakat And Waqf (IMAF). Kuala Lumpur: Malaysia. Hal. 124.

Nazira Bt.Alias. Tesis Penguatkuasaan Perundangan Zakat Di Selangor Dan Negeri Sembilan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ram Al-Jaffri Saad, Kamil Md. Idris & Zainol Bidin. 2009. Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga Dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaaan. Jurnal Syariah, Jil 17, Bil. 3. Hal. 607-630.

Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. *Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Masyarakat Islam Di Selangor*. Jurnal Ekonomi Malaysia.

Laporan Zakat Pelbagai Tahun.

Lembaga Zakat Selangor. 2015. http://www.zakatselangor.com.my

Temubual dengan pegawai-pegawai LZS.

# STUDENTS' READINESS TOWARDS THE ADOPTION OF BLENDED LEARNING IN ENGLISH LITERATURE COURSES

Nujaidah Nuwairi & Siti Hawa Muhamad

International Islamic University College, Selangor (KUIS)

nujaidah@kuis.edu.my, sitihawa.m@kuis.edu.my

***ABSTRACT***

English Literature is a subject that requires one to be able to understand the authors' feelings, analyse literary elements used and the ability to critically respond to the chosen literary piece. To understand and respond within limited period of time, limited language ability and limited background of literary piece may lead to difficulties in responding to the selected literary piece. Therefore, the purpose of this paper is to propose the usage of blended learning in the teaching of English Literature as it will enable the instructor and learners to communicate via a selected platform and students may refer to the prescribe readings , videos or other selected media as selected by the instructors. The teaching of literature is confined to the traditional method and this is affirmed by R.Dwaik, A.Jweiless, & S.Shrouf 2016 where teaching and learning is presented in the textbook and confined to classroom lectures. The need to move a step further in assisting the learners' in the learning of English Literature is needed. The study will validate the move towards blended learning in the teaching of English Literature.

***Keywords***: blended learning, readiness, effectiveness, teaching of literature.

## 1. INTRODUCTION

Teaching and learning of English Literature courses is attached to its traditional method of teaching. Students' undertaking the course are usually exposed to the background of the author, the plot and setting of the chosen text which can be rather dull and boring especially to those who have never been exposed to the culture and environment that the literary work took place. Blended learning in English Literature classes will bring a new viewpoint in a mundane and dull course especially to tertiary level learners. Adopting blended learning in literature courses will create an advanced outlook that can create an active and critical involvement in the teaching and learning of English Literature of which the learners' may use available resources on the internet prescribed by the course instructor. A modified framework from "Measurement of student readiness and effectiveness in adopting blended learning framework for English for Occupational Purposes classes" (Siti Hawa Muhamad & Nujaidah Nuwairi, 2015) is chosen for its relevance and practicality to the chosen target group, the chosen framework was proposed to a group of management students at the tertiary level at first and the framework is deemed as suitable to be used and tested on English Literature course as to

improvise Literature courses which are being taught in the traditional method. Therefore, this concept paper proposes that a case study is carried out on literature students to investigate the students' readiness towards the adoption of blended learning and to see whether it is possible to be carried out on a larger scale in the teaching and learning of English Literature in the tertiary level to create a more interesting and easy teaching and learning.

## 2. Readiness towards blended learning

### 2.1 Readiness towards e-learning

Readiness or e-readiness (electronic readiness) is a measurement of the degree to which a country, nation or economy may be willing, prepared and ready to gain benefits from information and communication technologies (ICT); to gauge how ready a country is to be involved in electronic activities such as e-commerce and e-government (Dada, 2006). In the field of education, the measurement is known as "eLearning readiness" (Abas, Kaur, & Harun, 2004). Abas et al. (2004) mentioned that eLearning readiness in Malaysia is examined according to several criteria; one of them being "learner readiness: level of time commitment, discipline and interest in e-Learning". This learner readiness reflects the learner's attitude. The learner here refers to the students' readiness in accepting and adopting blended learning in literature courses. This will include the availability of technology that the students themselves own and the technological means that they have in order to undertake the course that uses blended learning in its teaching and learning.

### 2.3 Blended learning

Effectiveness of blended learning could only be gauged if it is linked to students' readiness and their intensity in adopting blended learning. Once institutions and instructors have adopted a range of options across the blended learning enhanced continuum it is students' readiness that influences their intensity of adoption, and thus the impact on their learning (Wong et al., 2014). Perera and Richardson (2010) stated that the quality of the actual time spent online might influence the learning outcomes. The outcome might be positive as Williams et al. (2012) found out that students who attempted the online quizzes many times performed better than those who attempted them fewer times. The outcome might also be insignificant, as discovered by Abdolmohammadi et al. (2003), in which responses by students in Student Evaluation of Teaching Survey showed that the implementation of a web-assisted course enhanced learning did not find any significant difference in students' level of understanding of the subject matter.

## 3. Adapted theoretical framework

The framework is derived from a framework introduced by Siti Hawa Muhammad & Nujaidah Nuwairi (2015) which was originally adopted from in "A framework for investigating blended learning effectiveness" (Wong et al., 2014). The said framework is based on OECD (Organisation for Economic Co-operation and Development) model of "Readiness, Intensity and Impact" to investigate the adoption and use of e-business technologies. Instead of only measuring student readiness by the intensity of adoption of blended learning options from the blended learning enhanced continuum, student readiness towards blended learning are also proposed to be measured by taking into consideration their attitude towards the following two learning aspects in order to know whether they are ready. The aspects are

availability of technology and study management (Chun & Lee, 2013). The reason these aspects are taken into consideration is because a study by Chun & Lee (2013), "Readiness for Blended Learning: Understanding Attitude of University Students" suggests that there are six learning aspects through which student attitude can be examined to study adaptability to blended learning; learning flexibility, online learning, study management, technology, online interaction and classroom learning. The authors have considered two readiness aspects that play a big influence among the students in the target tertiary institution of this study especially for those who are undertaking literature courses.

### 3.1 Available technology

This refers to student's readiness to use available technology. Technology has provided possibilities for students to learn anytime and anywhere. Learners being familiar and could easily access the digital technologies is the basic requirement for blended learning to be implemented successfully (Chun & Lee, 2013). The availability of Wi-Fi and also computer laboratory that would aid blended learning by the institution and also the availability of personal means that would facilitate teaching and learning session. Available technology also can be looked at personal gadgets owned by the students in order to support blended learning.

### 3.2 Study management

This refers to how students manage their study. Students plan, manage, direct learning activities and share learning responsibilities with their instructors, where they learn to be autonomous and responsible in learning; this contributes to self-discipline and self-motivation, whereby one could see how well students manage their time (Chun & Lee, 2013). Being able to manage time in their study also contributes to the readiness in adopting blended learning. This would also include how the instructors will monitor students' learning process so as to create a compact and  course.

**Figure 1: Theoretical framework: measurement of student readiness and effectiveness in adopting blended learning.**




### 4. Proposed Methodology

The research design is qualitative methodology which is case study. It will be conducted on the proposed respondents, a group of students who are undertaking English literature courses for one semester. The research will examine the readiness of the students' in adopting blended learning in literature courses. The research will start with a series of survey to identify the students' attitude towards the learning aspects: availability of technology and study management. Next, it will examine the options of blended learning available and used in the target tertiary institution. This step is taken to validate students' readiness towards blended learning. The research will confirm whether the students are ready to adopt blended learning in the teaching and

learning of English literature it will also give a picture of the students' readiness level in the adoption of blended learning in its teaching and learning where the outcome will either be significant or insignificant.

## 5. Conclusion

It is predicted that the readiness of the students with the availability of technology and their ability to manage their study then would the idea of adopting blended learning be rational. Once the intensity of adoption is identified, then their readiness for blended learning can be validated. The intention to make students understand and able to give critical reasoning in literature courses would make the course successful to all literature educator. Hopefully, blended learning will be able to be implemented at the whole university level to graduates whom are able to critically analyse literary text and those who are also able to utilize technology well and able to communicate effectively via latest technology.

## References

Abas, Z. W., Kaur, K., & Harun, H. (Eds) (2004). E-learning Readiness in Malaysia 2004. *A Join Study by the Ministry of Energy, Water and Communications Malaysia and Open University Malaysia*. Kuala Lumpur.

Abdolmohammadi, M., Howe, M., & Ryack, K. (2003). Students' perceptions of learning in a web-assisted financial statement analysis course. *Advances in Accounting Education*, 5, 181-197.

Al-Hajri, S., & Tatnall, A. (2007). Internet technology in Omani Banks – a case of adoption at a slower rate". Markus, M.L., Hampe, J.F., Gricar, J., Pucihar, A. & Lenart, G. (Eds.). *20th Bled E-Conference, Emergence: Merging and Emerging Technologies, Processes and Institutions, Bled*, 1-11.

Chun, M.T., & Lee, Y.C. (2013). Readiness for Blended Learning: Understanding Attitude of University Students. *International Journal of Cyber Society and Education*, 6 (2), 79-100.

Dada, D. (2006). E-readiness for developing countries: Moving the focus from the environment to the users. *The Electronic Journal of Information Systems in Developing Countries*, 27 (6), 1-14.

Garrison, D.R., & Vaughan, N.D. (2008). *Blended Learning in Higher Education: Framework, Principles, and Guidelines*. Retrieved from https://books.google.com.my

Latour, B. (1986). The powers of association. In J. Law (Ed.), *Power, Action and Belief. A New Sociology of Knowledge? Sociological Review Monograph 32* (pp. 264-280). London: Routledge & Kegan Paul.

Perera, L. & Richardson, P. (2010). Students' use of online academic resources within a course web site and its relationship with their course performance: an exploratory study. *Accounting Education*, 19 (6), 587-600.

Siti Hawa Muhammad & Nujaidah Nuwairi. (2015). Management Students' Readiness and Effectiveness in Adopting Blended Learning in English for Occupational Purposes Class at the Tertiary Level: A Concept Paper. *Proceeding of the 2nd International Conference on management and Muamalah 2015*. 335-339.

Williams, A., Birch, E., & Hancock, P. (2012). The impact of online lecture recordings on student performance.

*Australasian Journal of Educational Technology*, 28 (2), 199-213.

Wong, L., Tatnall, A., & Burgess, S. (2014). A framework for investigating blended learning effectiveness. *Education + Training*, 56 (2/3), 233-251.

# تحليل حاجات دارسي الدراسات الإسلامية تعلم اللغة العربية لدى طلبة كلية مركز أساسي

عبد الهادي عبد الرحيم ،خير الأكبر بن خالب ،نور حظلنا بنت محمد نور حظلي، محمد فائز مؤمن بن عبد المطلب

قسم اللغات، الكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلانجور

abdulhadi.ar@kuis.edu.my

## الملخص

هدفت هذه الدراسة الحالية إلى اكتشاف حاجات الطلاب في تعلم اللغة العربية لدى طلبة كلية مركز أساسي يمركزها طلاب الدراسة الإسلامية للكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلانجور. تكونت عينة الدراسة من ستين (٦٠) مسجلا في مادة اللغة العربية في الفصل الدراسي٢٠١٥ /٢٠١٦م. يتبع الباحثون منهجين أي المنهج الوصفي والتحليلي، حيث يتصف المنهج الوصفي وصفا كاملا ودقيقا عن تحليل الحاجات نظريا من المصادر المتعددة. وبالتالي قام الباحثون بتحليل حاجات الطلاب بناء على النتائج من الاستبانة باستخدام البرنامج SPSS. ومن النتائج التي توصلت إليها الدراسة مدى جدوى اللغة العربية لأغراض قانونية في تلبية حاجات الطلاب في التعلم اللغة العربية.

الكلمة المفتاحية: تحليل حاجات الطلاب، المركز الأساسي، اللغة العربية لأغراض خاصة.

## المقدمة

تعتبر لغة الضاد أقدم اللغات في العالم. تتميز هذه اللغة بخصائصها المتميزة من حيث ألفاظها، وتركيبها، وبلاغتها الرائعة. أكبر وأهم العلوم في هذه اللغة هو النحو العربي الذي يخدم خدمة عظيمة في رعاية وحماية اللسان من اللحن

والتصحيف والتحريف، كأنه آلة صائن لسان العرب وغيرهم من الناطقين والمتكلمين بالعربية .

قد أسهم العلماء القدامى في هذا العلم إسهاما كبيرا لم يكن أحدا من قبل فعل كما فعلوا. هم بذلوا قصارى جهدهم لوضع الأصول والمنهج، واستقراء المعلومات، واستنباط القواعد النحوية حتى يصبح هذا العلم علما مهما في اللغة العربية. إن ازدهار اللغة العربية حسب مدار الزمان قد يؤدي إلى مواجهة تحديات وفتن كثيرة حينما تواجه الاتهام. لكنها ما زالت محفوظة من حيث ألفاظها ومعانيها التي عهدها الله، كما قوله تعالى في كتابه العزيز:﴿ إنا نحن نزلنا الذكر وإنا له لحافظون ﴾(الحجر:٩).

حان الوقت لاهتمام الناس باللغة العربية من حيث تعلمها وتعليمها. ولا شك أن ارتباط اللغة العربية بالعلوم في شتى المجالات، لا سيما في العلوم الدينية قوي ومتين جدا لأن المصادر الأساسية في الإسلام، أي القرآن الكريم والحديث الشريف، وكذلك الكتب التراثية مكتوبة باللغة العربية. إذن، التمكن في اللغة العربية يكاد أن يكون شرطا أساسيا لأنه يساعد هؤلاء المتخصصين في الفهم والاستيعاب واستنباط القواعد والأحكام الشرعية كما فعله هؤلاء العلماء القدامى. فهذا نفس الشيء الذي يتحمله الطلبة في الدراسات الإسلامية في المركز التمهيدي للكلية الجامعية الإسلامية العالمية بماليزيا. لعل تعلمهم اللغة العربية يساعدهم في نطاق عملهم ومسؤوليتهم.

لعل يستفيد الناس أو الباحث الآخر من خلال هذا البحث الضعيف. والله ولي التوفيق.

**أسئلة الدراسة**

تكتسب الدراسة أسئلتها في الآتي:

١. ما حاجات الطلبة في الدراسات الإسلامية في المركز التمهيدي في دراستهم للغة العربية؟

٢. ما صعوبات الطلبة في الدراسات الإسلامية في المركز التمهيدي في دراستهم للغة العربية؟

**أهداف الدراسة**

تسعى الدراسة إلى تحقيق الأهداف المرجوة الآتية:

١. اكتشاف حاجات الطلبة في الدراسات الإسلامية في المركز التمهيدي في دراستهم للغة العربية.

٢. إبراز صعوبات الطلبة في الدراسات الإسلامية في المركز التمهيدي في دراستهم للغة العربية.

**منهجية الدراسة**

واتبع الباحثون المنهج الوصفي التحليلي، إذ قدمت الدراسة وصفا كاملا ودقيقا لتحليل الحاجات نظريا. تم الباحثون توزيع الاستبانة التي تحتوي على ٢٢ سؤالا التي تتعلق بحاجات الدارسين في تعلم اللغة لأغراض خاصة إلى ٦٠ طالبا الذين سجلوا مادة اللغة العربية للدراسات الإسلامية. وبالتالي، قام الباحثون بتحليل حاجات الطلبة في الدراسات الإسلامية في المركز التمهيدي بناء على الاستبانة لإفادة مجال التعليم اللغة لأغراض خاصة وتعلمها. واحلل الباحثون نتائج الاستبانة باستخدام برنامج SPSS.

**أهمية الدراسة**

قد توسعت اللغة العربية توسعا بالغا من حيث استعمالها، وتعلمها، وتعليمها إلى أنحاء العالم في شتى المجالات. أصبحت هذه اللغة معيارا مهما لا سيما في التعامل مع النصوص التراثية الإسلامية لأجل الفهم والاستيعاب. فافتقار الطلبة في الدراسات الإسلامية في المركز التمهيدي عن دراسة وتعلم اللغة العربية افتقارا شديدا بالنسبة إلى المواد يعلمها المحاضرون كلها باللغة العربية. إنما المدة القصيرة والأوقات المحدودة لتعلم اللغة العربية قد تسببان إلى تقهقرهم في دراسة اللغة العربية. إذن، يعتمد هؤلاء الطلبة في الدراسات الإسلامية في المركز التمهيدي على اللغة أكثر وهم يمعنون نظرهم في اللغة العربية.

لذلك، قام الباحثون باكتشاف حاجة الطلبة في الدراسات الإسلامية عن مهاراتهم في اللغة العربية عمليا وتطبيقيا بعد دراستهم.

**حدود الدراسة**

حدد الباحثون ستين طالبا في الدراسات الإسلامية للمركز التمهيدي عينةً في الكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلانجور. وهم ما زالوا في السنة الأولى. وتقتصر عينة الدراسة على الطلبة الذين يتعلمون اللغة العربية على مستوى المركز الأساسي، وسيتم اختيارهم عن طريقة عشوائية بسيطة، فلا بد عليهم أن يجيبوا الاستبانة التي قد وزعت إليهم.

**المبحث الأول: الجانب النظري**

في قوامس علم النفض بشكل عام، يقصد بالحاجات (Need) هي شعور داخلي بالتوتر (Tension) يدفع الإنسان للتلخص منه، يصدق هذا على الحاجات الأساسية والثانوية، كما يصدق على الأنواع مختلفة للحاجات الثانوية، نفسية كانت أو اجتماعية أو تعليمية أو لغوية. والحديث عن حاجات الدارس، ونحن في معرض الكلام عن تعليم اللغة، يعني الحديث عن البواعث والدوافع أو العوامل التي تولد عند الدارس إحساسا داخليا ورغبة فب تعلم معينة.

تحليل الحاجات عملية تحديد الحاجات التي يطلبها الدارسون، وترتيبها وفق الأولويات (Richard, Jack C and Schmidt, Richards, 2002). فيسعى تحديد الحاجات إلى الحصول على معلومات عن طريق الاستبانة، أو الاختبار، أو المقابلة، أو الملاحظة. ويرى جاك ريتشاردز (جاك، ٢٠٠٧) أن الحاجات تكون غالبا على شكل عجز لغوي؛ أي توضيح الفرق بين ما يستطيع المتعلم القيام به في اللغة، وما ينبغي أن يكون قادرا على القيام به. وعليه، يوحي هذا إلى أن الحاجات حقيقة موضوعية، وهي ببساطة تنتظر أن يتمّ التعرّف عليها ومن تحليلها.

وقدم هاتشنسون وواترز ( Hutchinson, Tom; Waters, Alan، ١٩٨٧) مفهوم حاجات يتسع ليشمل ثلاثة مفاهيم أساسية وهي:

١. الضرورات (Necessities): ويقصد بها مطالب الجمهور المستهدف من تعلم اللغة. أي ما ينبغي أن يعرفه الدارس لكي يواجه بكفاءة وفعالية مطالب الأداء اللغوي في مواقف معينة.

٢. أوجه العجز أو التخلف (Lacks): ويقصد بها مدى المسافة بين ما يلزم الدارس أن يعرفه أو يجيده من اللغة، وما يتوافر لديه بالفعل، مما يُلزم الوقوف على ما لدى الدارس من معلومات ومعارف واتجاهات ومهارات في اللغة المستهدفة حتى يحدد الباحث ما ينقصه.

٣. الرغبات (Desires): ويقصد بها ما يرى المتعلم نفسه أنه مهم ومطلوب، فضلا عن رغباته الخاصة، سواء من حيث المهارات اللغوية التي يود إتقانها، أم من حيث المفاهيم الثقافية التي يود الإلمام بها. فقد يكون هناك تصادم بين تحديد الخبراء للمتطلبات، أو الضرورات ورغبات الدارسين أنفسهم؛ فلا معنى للحديث عن الحاجة بعيدا عما يشعرون به. ولعل من المفيد أن نذكر في هذا السياق تعريفين للحاجات اللغوية، وهما من أكثر التعريفات مناسبة لهذه الدراسة.

وحدد (Dudley-Evans, Tony and John , Maggie Jo St, 1998) لتحليل الحاجات عبر النواحي التالية:

١. المعلومات المهنية عن المتعلمين أي الأنشطة والمهام التي سيستخدم المتعلمون اللغة فيها (تحليل الموقف المستهدف والحاجات الموضوعية).

٢. المعلومات الشخصية عن المتعلمين أي العناصر التي تؤثّر في طريقة التعلم، نحو خبرات المتعلم السابقة، وثقافته، وأسباب حضور البرنامج وتوقعاته منه، واتجاهه نحو اللغة.

٣. المستوى اللغوي للمتعلمين يعني ما المهارات اللغوية التي يستخدمونها وتسمح بتقييمها.

٤. قصور المتعلمين

٥. المعلومات عن تعلم اللغة وهي الطرق الفعّالة لتعلم المهارات واللغة في احتياجات التعلم.

٦. معلومات الاتصالات المهني أي معرفة كيفية استخدام اللغة والمهارات في الموقف المستهدف مبنيا على تحليل لغوي، وتحليل خطاب، وتحليل النوع (Analysis eGenr).

٧. ما المطلوب من البرنامج.

٨. المعلومات التي تدور حول البيئة أو الظروف التي ستتم بها الدورة.

ولذلك، تحليل الحاجات عملية مركبة تتضمّن دراسة خصائص متعلمي اللغة، وأسباب تعلمهم لها، والمواقف التي سيمارسون فيها تلك اللغة، بهدف التخطيط لبرنامج لغوي يلبّي حاجاتهم لتعلمها. ويعرض أسس مفهوم تحليل الحاجات على شكل آتي (Dudley-Evans, Tony and John, St Jo Maggie، ١٩٩٨):

i. أسس مفهوم تحليل الحاجات
ii. معلومات شخصية عن الدارسين
iii. معلومات مهنية عن الدارسين
iv. احتياجات تعلم اللغة
v. كيفية الاتصال في الموقف المستهدف
vi. الموقف البيئي
vii. معلومات لغوية عن المواقف المستهدفة
viii. قصور الدارسين

بناء على أسس مفهوم تحليل الحاجات السابقة، تلك النقاط كلها مرتبطة بعضها بعضا، أساسا للحصول على البيانات والمعلومات التي يحتاج إليها الباحثون. لا بد على الباحثين أن يعينوا ويحددوا أسس الصحيحة كي تتكامل وتترابط بعضها بعضا. قد أصبح تحليل الحاجات مبدأ أساسيا لكون أغراضه المتعددة التي ستساهم في المجالات المختلفة والنظر إلى القضية المعينة على نطاق واسع. وهناك العديد من الأغراض في تحليل الحاجات ومنها (and C Jack Richard, Richards Schmidt، ٢٠٠٢):

١. تحديد المهارات اللغوية التي يحتاج إليها المتعلم لأداء وظيفة معينة، مثل طبيب، وممرض، وسفير، ودليل السياح، ومذيع، ورجل الأعمال وغيرها.

٢. تحديد الأشخاص الذين يحتاجون إلى التدريب على مهارات لغوية معينة.

٣. الإلمام بالفجوة بين ما يستطيع الطلاب القيام به، وما هم بحاجة إلى أن يكونوا قادرين على القيام به.

٤. العون في تحديد مدى فعالة الدورة في معالجة حاجات الطلاب المتوقع التحاقهم بالبرنامج بشكل كاف.

٥. معرفة أسباب مشكلة ما داخل مؤسسة؛ إذ ترشد إلى القصور اللغوي لدى العاملين، وقد تؤثّر على تعاملاتهم مع العملاء مما يؤدّي بالتبعية للتأثير على المؤسسة.

٦. تقييم البرامج والمناهج المتعددة لتلبية حاجات الدارسين، وتصبح أداة مرجعية لقياس البرامج ومواده.

وتحديد الحاجات اللغوية اللازمة للدارسين ركن أساس، بل هو الركن الأساس في برامج تعليم العربية

لأغراض خاصة. وقد سبق تعريف هذا المصطلح والسؤال الآن هو: ما المصادر التي يمكن الرجوع إليها لتحليل الحاجات اللغوية للدارسين؟

واشتملت الأدبيات على أطر كثيرة لتحليل حاجات الدارسين. ولعل الإطار الذي قدمه روبرت جوردان من أحدثها وأكثرها شمولا (R.R, 1997).

وفيما يلي عرض لهذه الأساليب:

- الأبحاث والدراسات السابقة.
- الدراسة الاستقصائية التتبعية.
- التقويم والتغذية الراجعة.
- اختبار نهاية المقرر.
- دراسة الحالة.
- المذكرات الشخصية (اليومية) للطالب وصحائف الحالة.
- وثائق سابقة.
- اختبارات اللغة (سواء في بلد الطالب أو عند قبوله).
- أساليب تقدير الذات.
- الملاحظة داخل الفصل.
- الاختبارات التكوينية (داخل الفصل).
- المقابلة المقننة.
- الدراسة المسحية عن الطالب.

ولتحليل الحاجات فوائدها العديدة ومنافعها الكبيرة منها (يسري، ٢٠٠٨) كالآتي:

١. وضع أهداف المنهج أو البرنامج.
٢. اختيار طرق التدريس المناسبة.
٣. اختيار المحتوى المناسب لحاجات الدارسين.
٤. فهم طبيعة الدارسين، وثقافة المؤسسة التي ينضمون إليها، والمهام التي سيكلّفون بها.
٥. بناء الاختبارات
٦. فهم حاجات الدارسين لتعلم اللغة.

٧. إجراء عملية التقويم.

٨. التخطيط لبرامج مستقبلية.

٩. بناء التوقعات المنطقية لنتائج البرنامج.

المبحث الثاني: الجانب الميداني

تعرض الدراسة نتائج الاستبانة التي تهدف إلى الإلمام بحاجات الطلبة للدراسات الإسلامية في المركز التمهيدي. اختار الباحثون عينة عشوائية من الطلبة الذين يسجلوا مادة اللغة العربية للدراسات الإسلامية لمعرفة حاجاتهم التعلمية. وتشتمل الاستبانة على ٢٢ سؤالا. قد حلل الباحثون تلك النتائج باستخدام برنامج SPSS وقد حصلوا على الشكل التالي:

١. فهم القرآن

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | – | – |
| غير موافق | – | – |
| محايد | ٢ | ٦،٧ |
| موافق | ٦ | ٢٠ |
| موافق جدا | ٢٢ | ٧٣،٣ |
| **المجموع** | **٣٠** | **١٠٠** |

هذا الجدول يشير إلى أن ٧٣،٣% من طلاب يوافقون بشدة على تعلم اللغة العربية لفهم القرآن بدقة. بيمنا الطائفة موافقة على نسبة ٢٠% وأما الباقون محايدون على ٦،٧%. ويرى الباحثون أن بعض الطلاب لا يعرفون حاجاتهم في تعلم اللغة العربية ولا يهتم فيها. ولذلك، لا بد على الطلاب أن يتمكنوا في تعلم اللغة حتى يتحققوا حاجاتهم المرجوة.

٢. لفهم الحديث الشريف

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | – | – |
| غير موافق | – | – |
| محايد | ٤ | ٦،٧ |
| موافق | ١٤ | ٢٣،٣ |
| موافق جدا | ٤٢ | ٧٠ |

| | | |
|---|---|---|
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

والجدول السابق يشير إلى أن ٧٠% موافقون جدا وأما ٢٣،٣% يوافقون. وأما الباقي ٦،٧% محايدون على هذا الموضوع. ويلاحظ الباحثون أن أغلب الطلاب يرون أن اللغة العربية تساعدهم في فهم الحديث الشريف لكي يتعمقوا أحكام الشرعي الإسلامي التي وردت في أحديث شريفة واستفادة منها.

٣. فهم كتب التراث

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | – | – |
| غير موافق | – | – |
| محايد | ٨ | ١٣،٣ |
| موافق | ١٨ | ٣٠ |
| موافق جدا | ٣٤ | ٥٦،٧ |
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

يشير هذا الجدول أن معظم الطلاب ينسجمون على هذا الموضوع أي ٨٦،٧%. وأما ١٣،٣% من الطلاب يكونون محايدين لهذا الموضوع المقترح. وبناء على هذه النتائج يستخلصها الباحثون أن فهم كتب التراث العربي مهم جدا بنسبة إلى متطلبات في مجال الدراسات الإسلامية.

٤. فهم القواعد العربية

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | – | – |
| غير موافق | ٢ | ٣،٣ |
| محايد | ١٦ | ٢٦،٧ |
| موافق | ٢٠ | ٣٣،٣ |
| موافق جدا | ٢٢ | ٣٦،٧ |
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

يدل الجدول السابق على نسبة الموافقين جدا ٣٦،٧% وبينما الموافقون ٣٣،٣% وأما المحايدون ٨%، وغير الموافقين ٣،٣% بذلك الموضوع. وجدير بذكر أن التمكن في القواعد العربية يساهم في بناء قدرة الطلاب في فهمها واستيعابها. ويؤكدها في جدول السابق.

٥. استطاعة في الإعراب

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | – | – |
| غير موافق | – | – |
| محايد | ١٦ | ٢٦،٧ |
| موافق | ٢٦ | ٤٣،٣ |
| موافق جدا | ١٨ | ٣٠ |
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

أبدى الجدول السابق إلى أن الموافقين تبلغ نسبتهم ٧٣،٣%. ومن هذا يؤيد رأي الباحثين السابق أن التمكن في قواعد العربية يساعد ارتفاع قدرة الطلاب في الإعراب. إذن، التمكن في قواعد العربية ينتج إلى قدرة في الإعراب وكذلك في استنباط الأحكام الشرعية يبرهنها جدول التالي.

٦. استطاعة في استنباط الأحكام الشرعية

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | – | – |
| غير موافق | – | – |
| محايد | ١٦ | ٢٦،٧ |
| موافق | ٢٠ | ٣٣،٣ |
| موافق جدا | ٢٤ | ٤٠ |
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

ومن الجدول السابق، يبرز الدليل أن ٧٣،٣% من الطلاب يتناغمون على أن تعلم اللغة العربية مهم في عملية استنباط الأحكام الشرعية. وذلك الجدول (٤)، ينتج إلى الجدوليْن التاليَيْن بعده (٥) و (٦) أن التمكن في قواعد العربية يؤدي دورا أساسيا رئيسا أصبح الطلاب قادرين على الإعراب واستنباط الأحكام الشرعية.

٧) فهم البرامج من وسائل الإعلام (مكتوبا وشفهيا)

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | ٢ | ٣،٣ |
| غير موافق | ٢ | ٣،٣ |
| محايد | ٢٨ | ٤٦،٧ |
| موافق | ٢٢ | ٣٦،٧ |
| موافق جدا | ٦ | ١٠ |
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

يعرض هذا الجدول ١٠% يوافقون جدا على تعلم اللغة العربية لغرض فهم البرامج من وسائل الإعلام (مكتوبا وشفهيا)، أما ٣٦،٧ يوافقون فقط. ومن ناحية أخرى، ٣،٣% منهم غير موافق جدا لهذا الغرض وكذلك ٣،٣% منهم لا يوافق. تتحقق النسبة المئوية من المحايدين ٤٦،٧%. من خلال هذه النسبة المئوية، الطلاب معظمهم يذهبون إلى أن تعلم اللغة العربية لا علاقته بفهم البرامج من وسائل الإعلام إما مكتوبا أم شفهيا. هم يرون بأن تعلمها محدود لأجل الدراسية والتعلمية فحسب.

٨) فهم ثقافة العرب

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | ٦ | ١٠ |
| غير موافق | ٦ | ١٠ |
| محايد | ٢٦ | ٤٣،٣ |
| موافق | ١٨ | ٣٠ |
| موافق جدا | ٤ | ٦،٧ |
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

يشير هذا الجدول إلى ٦،٧% من الطلاب يوافقون جدا على تعلم اللغة العربية لفهم ثقافة العرب، وكذلك هؤلاء الذين يوافقون به يبلغون إلى ٣٠%. وأما بالنسبة إلى الطلاب الذين لا يوافقون جدا كلهم على تقدير ٣% ونفس الشيء مثبت بمن الذين لا يوافقون به، كلهم على تقدير ٣%. الباقون من المحايدين يتوصلون إلى درجة ٤٣،٣%. هذان الجدولان السابقان مرتبطان بعضهما بعضا. يلاحظ الباحثون أن النسبة المئوية لكل مستوى الموافقة تكاد أن تساوي بينهما. مضيفة إلى أن الطلاب يرون تعلم اللغة العربية محدودا وضيقا لأغراض تعلمية ودراسية قط.

٩) أغراض مهنية

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | ٤ | ٦،٧ |
| | ٦ | ١٠ |
| غير موافق | ١٦ | ٢٦،٧ |

| | | |
|---|---|---|
| محايد | ١٤ | ٢٣،٣ |
| موافق | ٢٠ | ٣٣،٣ |
| موافق جدا | | |
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

هذا الجدول يتضح على الطلبة الذين لا يوافقون جدا بهذا البند يبلغون إلى ٦،٧% بينما الذين لا يوافقون به حتى يتواصلوا إلى نسبة المئوية ١٠%. ونفس الوقت، هم من الذين يوافقون به يبلغون إلى درجة المئوية ٥٦،٦%. والباقون منهم المحايدون بهذا البند يحصلون على ٢٦،٧%. ويرى الباحثون أن هؤلاء الطلبة يتعلمون اللغة العربية ليسوا لأغراض علمية فحسب بل يتلمذونها لأغراض مهنية كذلك. ولذلك، دراسة اللغة العربية في هذه الكلية تحقق أهدافها النيلة مما تشتمل على أغراض متعددة سواء أكانت أغراض علمية أم أغراض مهنية.

١٠) صعوبات تعلم اللغة العربية لأغراض قانونية

١٠،١) المواد التعليمية

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | ٤ | ٦،٧ |
| غير موافق | ٤ | ٦،٧ |
| محايد | ١٩ | ٢٦،٧ |
| موافق | ٢٨ | ٤٦،٧ |
| موافق جدا | ٨ | ١٣،٣ |
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

يعرض هذا الجدول السابق أن أغلبية الطلاب يواجهون صعوبات في اتباع المواد التعليمية المحددة. يلاحظ الباحثون أن المواد التعليمية لا تناسبهم من حيث مستواهم اللغوية وكذلك الوحدات الدراسية.

١٠،٢) كثرة العدد الطلاب

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | ٢ | ٣،٣ |
| غير موافق | ١٨ | ٣٠ |
| محايد | ٢٠ | ٣٣،٣ |
| موافق | ١٢ | ٢٠ |
| موافق جدا | ٨ | ١٣،٣ |
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

ومن النتائج الحصيلة تنقسم إلى ٣ طوائف من الطلاب أي غير الموافقين والمحايدين والموافقين مما تبلغ مئويتها على تقدير ٣٣،٣% بالتوالي. ويستخلص الباحثون أن كثرة عدد الطلاب في فصل لا تباليهم وتمنعهم في عملية تعلم اللغة العربية.

١٠،٣) خلفية الطلاب

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق | – | – |
| جدا | ١٢ | ٢٠ |
| غير موافق | ١٨ | ٣٠ |
| محايد | ٢٤ | ٤٠ |
| موافق | ٦ | ١٠ |
| موافق جدا | | |
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

ومن الجدول المعروض أن قد يتأثر بالعوامل السابقة المعترضة في الجدول حيث حصلوا على تقدير ٥٠%. ومن جهة أخرى أن نصفا من الطلاب قد وافقوا بأن متعددة خلفية الطلاب قد أثّرت في تمكنهم وآدائهم واستطاعاتهم وكفائتهم، ومقدرتهم في تعلم اللغة العربية.

١٠،٤) عدم الثقة بالنفس الكلام

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | ٢ | ٣،٣ |
| غير موافق | ٤ | ٦،٧ |
| محايد | ٨ | ١٣،٣ |
| موافق | ٢٢ | ٣٦،٧ |
| موافق جدا | ٢٤ | ٤٠ |
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

الجدول السابق يوضح أغلبية الطلاب يعانون بمرض عدم الثقة بالنفس حيث يتواصلون النسبة المئوية إلى تقدير ٧٦،٧%. يذهب الباحثون إلى أن العديد من الخلفية قد يؤثر في عدم الثقة بالنفس في الكلام.

١٠،٥) قلة اهتمام بالقواعد

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | – | – |
| غير موافق | ١٠ | ١٦،٧ |
| محايد | ١٢ | ٢٠ |
| موافق | ٢٤ | ٤٠ |
| موافق جدا | ١٤ | ٢٣،٣ |
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

ومن الجدول الذي يعرض الباحثون آنفا، جدير بالذكر أن ٦٣،٣ % من الطلاب يواجهون الصعوبة في تعلم اللغة العربية بسبب عدم العناية والرعاية والمبالاة بالقواعد العربية نحويا وصرفيا. وبينما غير الموافقين والمحايدين نالوا تقدير ٣٦،٧%. بناء على ذلك، أن اهتمام بالقواعد العربية أمر ضروري في عملية التعلم العربية التي تؤيده الجداول الثلاثة السابقة (٤)، (٥)، (٦).

١٠،٦) المعلم المِشْكِل

| مستوى الموافقة | العدد | النسبة المئوية % |
|---|---|---|
| غير موافق جدا | ٢ | ٣،٣ |
| غير موافق | ١٠ | ١٦،٧ |
| محايد | ٦ | ١٠ |
| موافق | ٣٠ | ٥٠ |
| موافق جدا | ١٢ | ٢٠ |
| **المجموع** | **٦٠** | **١٠٠** |

يبين هذا الجدول أن النسبة المئوية للطلاب الذين يوافقون لهذه القضية تبلغ إلى تقدير ٧٠%. وهذا دليل على أن الطلاب يرون إلى عدم الاهتمام بإعادة الأخطاء أو تصحيحها ينتج إلى المشاكل والصعوبات في تعلم اللغة العربية.

**الخلاصة**

يمكن الباحثون أن يستخلصوا النتائج على النقاط التالية:

١. معظم الطلاب يوافقون بأن تعلم اللغة العربية لأجل فهم القرآن والحديث النبوي. هذا دليل متين يعرضه الجدول السابق لأن النسبة المئوية تبلغ إلى ٩٣،٣% درجة وفاقية.

٢. يرغب الطلاب في تعلم اللغة العربية لأجل فهم كتب التراث القديم مما تصل إلى ٨٦،٧% درجة وفاقية التي يبرهنها الجدول السابق.

٣. يميل الطلاب إلى تعلم اللغة العربية لأجل فهم القواعد العربية وتبلغ النسبة المئوية إلى ٧٠%. منهم، أي ٧٣،٣% يوافقون بأن تعلم اللغة العربية لكونهم قادرين على الإعراب وتطبيقه. ٧٣،٣% منهم من يتلمذون اللغة العربية لغرض استنباط الأحكام الشريعة.

٤. يعتبر أكثر من ٤٠% يوافقون بأن تعلم اللغة العربية لفهم البرامج من وسائل الإعلام (مكتوبا أو شفهيا). منهم أي

٣٦،٧% يدرسون اللغة العربية لهدف فهم ثقافة العرب ويتقنونها.

٥. أكثر من ٥٠% من الطلاب المتخصصين بكلية القانون الشرعي يتعلمون اللغة العربية لأجل مهني، وهم يبلغون إلى ٥٦،٦%.

٦. يشعر ٦٠% من الطلاب الصعوبة في تعلم اللغة العربية التي تتعلق بالمواد التعليمية. أما ٣٣،٣% يزعجون الصعوبة في كثرة عدد الطلاب في فصل واحد، ويشعر ٥٠% منهم يواجهون الصعوبة المتعلقة بخلفية الطلاب المتعددة مما تؤدي إلى عدم الثقة بالنفس الذي يرشدها الجدول السابق بينما يوضح ٧٦،٦% من الطلاب يعانون بمرض عدم الثقة بالنفس، ومنها يخجلون أن يتكلموا اللغة العربية ويمارسوها أمام الفصل.

٧. قلة اهتمام بالقواعد العربية عاملة من عوامل الصعوبات التي يشكو إليها الطلاب في تعلم اللغة العربية مما تصل إلى تقدير ٦٣،٣%.

٨. يستشعر ٧٠% من الطلاب الصعوبة التي أتت من معلميهم الذين يدرسونهم بعد الوضوح والسريع في الكلام.

## الاقتراحات والتوصيات

من خلال النتائج المعروضة، قد اقترح الباحثون الأمور الآتية:

١. ضرورة قيام الكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلانجور فصولا إضافية لمكافحة عدم تركيز الطلاب على تعلم اللغة العربية وفروعها.
٢. الإثراء بالبيئة العربية في الفصل الدراسي لارتفاع دوافع الطلاب ورغبتهم في تعلم اللغة العربية.
٣. تصميم الوحدات الدراسية التي تتناسب بمستويات الطلاب حتى تسهل لعملية التعلم والتعليم تسهيلا، لكي تحقق الأهداف التعلمية المرجوة.
٤. تهتم الحاجات بالمهارات اللغوية الأربعة، أي مهارة الكلام، والقراءة، والاستماع، والكتابة.

بناء على الاقتراحات المعروضة، يود الباحثون أن يوصوا الباحثين الآخرين بإجراء تقويم الوحدات الدراسية في تعلم اللغة

العربية لأغراض قانونية في كلية أحمد إبراهيم القانوني بالجامعة الإســلامية العالمية بماليزيا حتى يتلاءم مع مســتويات الطلاب تسهيلا لهم في تعلم اللغة العربية، ومن ثم، يُستفادون منها.

**المصادر والمراجع**

Dudley-Evans, Tony and John , Maggie Jo St .(١٩٩٨) . *Development in English for specific purposes (multi-disciplinary approach* . Cambridge: Cambridge University Press.

Hutchinson, Tom; Waters, Alan . .(١٩٨٧)*English for Specific Purposes: A learning-centered approach* .Cambridge: Cambridge University Press.

Jordan R.R .(١٩٩٧) .*English for Academic Purposes: A guide and resource book for teacher* . Cambridge: Cambridge University Press.

Richard, Jack C and Schmidt, Richards .(٢٠٠٢) .*Dictionary of Language Teaching & Applied Linguistics* .,Longman.

ريتشاردز، جاك. (٢٠٠٧). *تطوير مناهج تعليم اللغة*. (ناصر بن عبد الله وصالح بن ناصر الشويرخ، المترجمون) الرياض: جامعة الملك سعود.

علي، إسلام يسري. (٢٠٠٨). *منهج متكامل لتعليم العربية للأغراض الدبلوماسية*. كوالالمبور: الجامعة الإسلامية العالمية بماليزيا.

# Persekitaran Pembelajaran Pelajar Pra-Universiti

Fathin Amira Lotfi 'Amer, Nurmaizatul Hazirah Mustaffa
Pusat Asasi, Kolej Universiti Islam Selangor
fathinamira@kuis.edu.my

## Abstrak

Persekitaran pembelajaran yang kondusif merupakan elemen penting dalam melahirkan pelajar Malaysia yang bersifat saintifik dan progresif. Persekitaran pembelajaran yang kondusif akan dapat menggalakkan aktiviti intelektual, persahabatan, kerjasama dan sokongan di samping menggalakkan pembelajaran dan perkembangan pelajar. Kajian yang telah dilakukan terhadap persekitaran pembelajaran menunjukkan terdapat perkaitan di antara persekitaran pembelajaran dengan hasil pembelajaran pelajar sama ada dari segi pencapaian, kepuasan atau kejayaan pelajar. Walaubagaimanapun, persekitaran pembelajaran di peringkat pra-universiti masih berpusatkan pensyarah dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran masih tidak lengkap. Persekitaran pembelajaran dapat ditingkatkan dengan mengenal pasti persepsi pelajar mengenai persekitaran pembelajaran yang diingini serta mengubah persekitaran pembelajaran kelas yang tidak kondusif kepada yang lebih baik. Kertas kerja ini akan menghuraikan persekitaran pembelajaran fizikal dan psikososial dengan lebih mendalam beserta teori. Kertas kerja ini juga akan mengenal pasti persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Kertas kerja ini juga akan membentangkan hasil dapatan daripada soal selidik mengenai persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran di pra-universiti serta tahap kepuasan pelajar mengenai persekitaran pembelajaran. Aspek persekitaran pembelajaran ini ditentukan menggunakan *College and University Environment Inventory for Students* (CUEI-S). Implikasi daripada dapatan kajian akan dibincangkan.

**Kata kunci: persekitaran pembelajaran, persekitaran fizikal, persekitaran psikososial, tahap kepuasan pelajar, pra-universiti**

## *Abstract*

*Conducive learning environment is an important element in creating a student that is both scientific and progressive. Conducive learning environment will encourage intellectual activity, friendship, cooperation and support while promoting student learning and development. Studies have been done on the learning environment showed a correlation between the learning environment and student learning outcomes whether in terms of achievement or satisfaction. However, the learning environment at the pre-university are still teacher-centered and the facilitaties is still inconducive. Learning environment can be improved by identifying students' perceptions about the desired learning environment and change the class learning environment that is not conducive to the better. This paper will describe the physical and psychosocial learning environment with more depth. This paper will also identify students' perceptions of learning environment during the process of teaching and learning. This paper will also present the findings of a questionnaire about students' perceptions of the learning environment in the pre-university and students' satisfaction on learning environment. This aspect of the learning environment is determined using College and University Environment Inventory for Students (CUEI-S). The implications of the findings will be discussed.*

***Keywords: learning environment, physical environment, psychosocial environment, the level of students' satisfaction, pre-university***

## Pengenalan

Salah satu cabaran menuju negara maju adalah mewujudkan masyarakat yang berfikiran tinggi, saintifik dan progresif, yang bukan sahaja mahir dalam bidang teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi pada masa hadapan (Nurzatulshima 2009). Kemajuan negara pada tahun 2020 hanya boleh dicapai apabila negara mempunyai sumber tenaga manusia atau modal insan yang mencukupi menjelang tempoh masa yang ditetapkan (Nurzatulshima 2009). Sehubungan itu, Institusi Pengajian Tinggi dilihat sebagai platform yang membina modal insan kelas pertama dengan meningkatkan pengetahuan dan kompetensi serta mengukuhkan kebolehan pelajar.

Institusi pengajian tinggi perlu lebih berdaya saing antara satu institusi dengan yang lain untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan serantau yang bertaraf dunia. Salah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh institusi pendidikan tinggi adalah memastikan keberkesanan program universiti yang ditawarkan. Sehubungan itu, keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dapat menjadi faktor kejayaan sesebuah institusi pendidikan tinggi. Elemen penting yang mempunyai perkaitan dengan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran adalah persekitaran pembelajaran itu sendiri (Che Nidzam 2011).

Menurut Tessmer & Harris (1992) dalam Che Nidzam Che Ahmad (2010), persekitaran pembelajaran merujuk kepada ruang yang digunakan untuk pembelajaran sama ada bilik darjah, kawasan lapang, makmal sains ataupun pejabat. Ia juga merupakan tempat di mana pembelajaran berlaku sama ada dalam konteks pedagogikal, sosial mahupun psikologikal yang seterusnya mempengaruhi sikap dan pencapaian akademik pelajar (Fraser 1998). Tambahan pula, aktiviti intelektual, kerjasama, persahabatan dan sokongan dapat ditingkatkan serta perkembangan dan pembelajaran pelajar dapat digalakkan jika persekitaran pembelajaran adalah kondusif. Oleh itu, persekitaran pembelajaran seharusnya diurus dengan baik agar membolehkan pelajar dapat menentukan matlamat mereka, aktif berfikir, fokus dalam pembelajaran dan mampu memberi maklum balas terhadap pengajaran dan pembelajaran (Sanoff et. al 2010). Persekitaran pembelajaran yang kondusif di Institusi Pengajian Tinggi mampu meningkatkan motivasi pelajar serta prestasi akademik pelajar. Oleh itu, persekitaran pembelajaran perlu sentiasa selesa, kondusif dan memenuhi kehendak pelajar agar pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

Kajian mengenai persekitaran pembelajaran telah banyak di kaji di dalam negara mahupun di luar negara. Kajian di luar negara (Nikolic et al. 2015; Lukum & Paramata 2015; Chang 2010) banyak melihat aspek persekitaran psikososial dan kurang dari segi aspek persekitaran pembelajaran fizikal. Di Malaysia, kajian  banyak melihat kepada persekitaran pembelajaran fizikal (Tuan Syarifah et al. 2013; Noremy & Fadilah 2011; Azlinda et al. 2011; Agatha 2011) mahupun psikososial (Maria et al. 2010; Nariza & Yusoof 2010; Hamidah et al. 2004) di Institusi Pengajian Tinggi. Namun begitu, kajian ini hanya meninjau persekitaran pembelajaran di dalam kelas, perpustakaan, asrama dan fakulti bagi prasiswazah sarjana muda mahupun sarjana sahaja. Justeru, persekitaran pembelajaran pra-universiti kurang dikaji di peringkat pengajian tinggi berbanding di peringkat sarjana, sarjana muda mahupun sekolah menengah. Kekurangan bukti empirik mengenai persekitaran pembelajaran pra-universiti ini telah mencetuskan minat penyelidik untuk mengkaji secara mendalam aspek persekitaran psikososial dan aspek persekitaran fizikal pra-universiti di peringkat pengajian tinggi.

Aspek-aspek fizikal dalam persekitaran pembelajaran mempengaruhi tingkah laku

sosial dan tahap psikologi serta memberi impak kepada pengajaran dan pembelajaran (Leong 2012; Peter 2010; Monahan 2002; Strange & Banning 2001). Sehubungan dengan itu, kita perlukan lebih penyelidikan tentang kesan persekitaran sedia ada ke atas pembelajaran (Kamisah et. al 2011; Chism 2006) dan kaitannya dengan aspek-aspek psikososial (Che Nidzam Che Ahmad 2011). Kajian tentang persekitaran pembelajaran secara menyeluruh daripada aspek fizikal dan psikososial perlu dilakukan bagi mendapatkan maklumat terkini tentang kesan persekitaran pembelajaran sedia ada kepada pelajar pra-universiti. Hal ini kerana persepsi pelajar tentang persekitaran pembelajaran sangat berguna sebagai asas untuk mengubahsuai dan meningkatkan kualiti persekitaran pembelajaran (Leong 2011; Che Nidzam et. al 2010; Jamaiah 2008).

Hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta yang menawarkan program pra-universiti bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan memuaskan dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif. Kepuasan yang baik terhadap pengajaran dan pembelajaran pula mungkin akan dapat membentuk sikap yang baik terhadap mata pelajaran yang diajar dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar prasiswazah tentang persekitaran pembelajaran fizikal mahupun psikososial dalam pengajaran dan pembelajaran pra-universiti.

**Tujuan Kajian/Kertas Konsep**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar prasiswazah terhadap persekitaran pembelajaran fizikal mahupun psikososial dalam pengajaran dan pembelajaran pra-universiti.

**Objektif Kajian/Kertas Konsep**

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti persepsi pelajar prasiswazah terhadap aspek-aspek persekitaran pembelajaran fizikal pra-universiti.
2. Mengenal pasti persepsi pelajar prasiswazah terhadap aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial pra-universiti.

**Persoalan Kajian/Hipotesis Kajian**

Kajian ini cuba menjawab beberapa soalan-soalan seperti berikut:

1. Apakah persepsi pelajar prasiswazah terhadap aspek-aspek persekitaran pembelajaran fizikal pra-universiti?
2. Apakah persepsi pelajar prasiswazah terhadap aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial pra-universiti?

**Metodologi**

**Persampelan**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Kajian ini melibatkan tinjauan terhadap persepsi pelajar tentang aspek-aspek fizikal dan psikososial dalam kalangan pelajar pra-universiti di sebuah institusi. Populasi bagi kajian ini adalah melibatkan semua pelajar pra-universiti di institusi tersebut iaitu seramai 702 orang. Hanya 76 orang dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini melibatkan pelajar semester akhir pra-universiti. Hal ini disebabkan pelajar semester akhir ini telah lama menjadi pelajar

pra-universiti dan dianggap matang. Maklumat data dikumpul menggunakan soal selidik. Soal selidik ini diedarkan pada pertengahan September.

**Instrumen Kajian**

Kajian tinjauan ini menggunakan dua jenis soal selidik iaitu soal selidik Inventori Persekitaran Pembelajaran Fizikal Pra-universiti (IPPFP) dan Inventori Persekitaran Pembelajaran Psikososial Pra-universiti (IPPPP).

Soal selidik pertama adalah soal selidik Inventori Persekitaran Pembelajaran Fizikal Pra-universiti (IPPFP). Soal selidik IPPFP ini dibina oleh Che Nidzam Che Ahmad (2010) hasil gabungan adaptasi Inventori Ergonomik Untuk Bilik Darjah Berkomputer (Zandvliet 1999) dan cadangan yang dikemukakan oleh *National Science Teacher Association* (NSTA) (Motz et al. 2007). IPPFP ini bertujuan untuk menilai persekitaran pembelajaran fizikal proses pengajaran dan pembelajaran pra-universiti. IPPFP yang dibina ini mempunyai tiga skala dan tiga skala ini diuji dalam mengenal pasti persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran fizikal iaitu:

i. Ruang pembelajaran: untuk meninjau sejauhmana keselesaan ruang pembelajaran yang diperuntukkan dalam bilik kuliah;
ii. Perabot dan peralatan: untuk meninjau sejauhmana kelengkapan dan keselesaan perabot dan peralatan dalam bilik kuliah untuk proses pengajaran dan pembelajaran;
iii. Pencahayaan: untuk meninjau sejauhmana kualiti cahaya yang digunakan dalam bilik kuliah.

Che Nidzam Che Ahmad (2010) menggunakan soal selidik ini untuk pelajar sekolah menengah dan di makmal sains. Namun begitu, dalam kajian ini, IPPFP digunakan untuk pelajar pra-universiti dan di dalam bilik kuliah. Item IPPFP yang asal adalah sebanyak 28 item dan mempunyai enam skala, namun begitu tiga skala dan 18 item perlu dibuang. Oleh itu, skala dan item IPPFP bagi kajian ini adalah sebanyak tiga skala dan 10 item. Skor untuk instrumen IPPFP ini adalah dalam bentuk skala Likert lima mata dengan 1 untuk sangat tidak setuju, 2 untuk tidak setuju, 3 untuk kurang setuju, 4 untuk setuju dan 5 untuk sangat setuju.

Soal selidik yang kedua adalah soal selidik Inventori Persekitaran Pembelajaran Psikososial Pra-universiti (IPPPP). Soal selidik IPPPP ini diadaptasi daripada *College and University Environment Inventory for Students* (CUEI-S) yang dibina oleh Lee dan Chang (2004). Soal selidik CUEI-S ini sering digunakan untuk menilai persekitaran pembelajaran psikososial di universiti. Namun begitu, kajian ini menggunakan soal selidik ini untuk pelajar pra-universiti. CUEI-S mempunyai tujuh skala dan kajian ini hanya mengambil dua skala sahaja kerana ia selaras dengan proses pengajaran dan pembelajaran di pra-universiti. Dua skala ini diperihalkan seperti berikut:

i. Kebebasan menjana idea: untuk meninjau sejauhmana proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah memberi peluang kepada pelajar untuk menjana idea semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan;
ii. Kerjasama antara pelajar: untuk meninjau sejauhmana keinginan pelajar membantu dan menyokong antara satu sama lain.

Dalam kajian ini, IPPPP mempunyai tujuh skala dan 26 item keseluruhannya. Namun begitu, lima skala dan 20 item perlu dibuang dan menjadikan IPPPP bagi kajian ini mempunyai enam item. Skor untuk instrumen IPPPP ini dalam bentuk skala Likert lima mata iaitu 1 untuk hampir tidak pernah, 2 untuk jarang-

jarang berlaku, 3 untuk kadang-kadang, 4 untuk kerap dan 5 untuk sangat kerap.

### Kebolehpercayaan Instrumen

Indeks kebolehpercayaan instrumen IPPFP dan IPPPP telah dilakukan melalui kajian rintis. Kajian rintis ini melibatkan 30 orang pelajar pra-universiti di sebuah Institusi Pengajian Tinggi. Kebolehpercayaan untuk setiap skala dalam IPPFP adalah seperti yang diringkaskan dalam Jadual 1, serta kebolehpercayaan untuk setiap skala dalam IPPPP adalah seperti yang diringkaskan dalam Jadual 2.

**Jadual 1. Kebolehpercayaan Setiap Skala dalam IPPFP**

| Skala | Cronbach Alpha |
|---|---|
| Perabot dan peralatan | 0.783 |
| Ruang pembelajaran | 0.820 |
| Pencahayaan | 0.824 |

**Jadual 2. Kebolehpercayaan Setiap Skala dalam IPPPP**

| Skala | Cronbach Alpha |
|---|---|
| Kerjasama antara pelajar | 0.883 |
| Kebebasan menjana idea | 0.840 |

## Dapatan Kajian

### Persekitaran Pembelajaran Fizikal Pra-universiti

Jadual 3 menunjukkan persepsi pelajar terhadap aspek-aspek persekitaran pembelajaran fizikal pra-universiti.

**Jadual 3. Skor min dan sisihan piawai bagi aspek-aspek persekitaran pembelajaran fizikal pra-universiti**

| Aspek-aspek Fizikal | Skor Min | Sisihan Piawai |
|---|---|---|
| Perabot dan Peralatan | 3.649 | 0.591 |
| Ruang Pembelajaran | 3.768 | 0.418 |
| Pencahayaan | 3.885 | 0.454 |
| Keseluruhan | 3.767 | 0.369 |

$n = 76$, $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 3, dapat dilihat secara keseluruhannya pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap persekitaran pembelajaran fizikal pra-universiti. Namun begitu, aspek perabot dan peralatan adalah yang paling rendah min skornya iaitu 3.649 berbanding aspek-aspek persekitaran fizikal yang lain. Secara keseluruhannya, min skor persepsi pelajar terhadap aspek-aspek persekitaran pembelajaran fizikal pra-universiti adalah tinggi (min skor = 3.767).

### Persekitaran Pembelajaran Psikososial Pra-universiti

Jadual 4 menunjukkan persepsi pelajar terhadap aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial pra-universiti.

**Jadual 4. Skor min dan sisihan piawai persekitaran pembelajaran psikososial pra-universiti**

| Aspek-aspek Psikososial | Skor Min | Sisihan Piawai |
|---|---|---|
| Kerjasama antara Pelajar | 3.776 | 0.567 |
| Kebebasan Menjana Idea | 3.684 | 0.522 |
| Keseluruhan | 3.730 | 0.516 |

n = 76, $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 4, dapat disimpulkan persepsi pelajar terhadap aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial adalah positif. Aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial yang mempunyai skor min yang tertinggi adalah kerjasama antara pelajar iaitu memperoleh min skor sebanyak 3.776. Aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial makmal sains yang paling rendah min skornya adalah aspek kebebasan menjana idea. Secara keseluruhannya, min skor persepsi pelajar terhadap aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial makmal sains adalah tinggi (min skor = 3.730).

**Perbincangan Kajian**

Berdasarkan dapatan persepsi pelajar terhadap aspek-aspek persekitaran pembelajaran fizikal, didapati bahawa min skor aspek perabot dan peralatan (min = 3.649) adalah yang paling rendah. Hal ini mungkin disebabkan susun atur perabot serta keselesaan perabot dan peralatan tidak selesa dan kondusif untuk digunakan semasa pembelajaran. Keselesaan perabot dan peralatan adalah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia mempengaruhi emosi dan sikap pelajar. Reka bentuk pengajaran dan pembelajaran yang selesa dan kondusif akan dapat menggalakkan pelajar mengambil masa yang lama dalam bilik kuliah, meningkatkan ingatan dan penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Lomas & Oblinger 2006).

Aspek pencahayaan (min = 3.885) adalah aspek persekitaran pembelajaran fizikal yang memperoleh min yang tertinggi. Ini menunjukkan bahawa kualiti pencahayaan di dalam bilik kuliah adalah baik dan selesa untuk digunakan oleh pelajar. Pencahayaan di bilik kuliah adalah baik mungkin disebabkan gabungan antara cahaya semula jadi dengan cahaya lampu di dalam bilik kuliah. Gabungan pencahayaan seperti ini akan menghasilkan cahaya yang berkualiti (Bennett 2003). Seterusnya, skor min kedua tinggi adalah aspek ruang pembelajaran (min = 3.768). Perkara ini menunjukkan bahawa ruang pembelajaran yang diperuntukkan kepada pelajar adalah sesuai dan selesa bagi proses pengajaran dan pembelajaran (Yahya 2010).

Berdasarkan persepsi pelajar terhadap aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial pra-universiti, didapati bahawa pelajar memberikan persepsi yang positif terhadap keseluruhan aspek-aspek persekitaran pembelajaran psikososial. Aspek kebebasan menjana idea (min = 3.684) adalah paling rendah min skornya. Ini bermaksud pelajar tidak diberi kebebasan untuk menjana idea serta menjalankan aktiviti sendiri tanpa bantuan pensyarah. Pelajar hanya menjalankan aktiviti atau menyelesaikan masalah berpandukan arahan atau perkara yang telah ditulis di dalam buku atau yang telah disediakan oleh pensyarah sahaja. Setiap aktiviti dan penyelesaian masalah

hanya bergantung kepada pensyarah semata-mata (Asma 2015). Oleh itu, pensyarah juga perlu memberi peluang kepada pelajar untuk menjana idea dalam menyelesaikan masalah yang diberikan serta pelajar diberi peluang memutuskan cara terbaik dalam melaksanakan aktiviti yang diberi oleh pensyarah. Perkara ini dapat menambahkan minat dan pengetahuan pelajar tanpa bergantung kepada pensyarah semata-mata.

Aspek kerjasama antara pelajar mempunyai min skor sebanyak 3.776. Hal ini bermaksud pensyarah sering menggunakan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Pensyarah hanya menjadi fasilitator sahaja dan pelajar menjalankan aktiviti yang diberi di dalam kumpulan. Pensyarah juga memastikan kerjasama antara pelajar sentiasa wujud dalam setiap aktiviti yang diberikan. Perkara ini dapat meningkatkan sifat bantu-membantu antara satu sama lain. Daripada sifat bantu-membantu ini, pelajar yang cemerlang dapat membantu pelajar yang kurang mahir dalam aktiviti yang diberikan, ini dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Hasil dapatan ini bermaksud pensyarah perlu mengambil perhatian terhadap aspek persekitaran pembelajaran psikososial dan aspek persekitaran pembelajaran fizikal dan bukan sahaja menumpukan kepada penyampaian isi kandungan kursus.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, persepsi pelajar mengenai persekitaran pembelajaran fizikal dan psikososial pra-universiti dapat ditinjau. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan kepada para pendidik Institusi Pengajian Tinggi dan pihak Universiti bagi mempertingkatkan persekitaran pembelajaran di bilik kuliah bagi pelajar pra-universiti supaya pelajar dapat berasa selesa dan berminat untuk belajar di pra-universiti. Kajian ini juga dapat menjadi sumber rujukan kepada penyelidik-penyelidik yang berminat dalam bidang pendidikan khususnya kajian persekitaran pembelajaran pra-universiti. Pada masa hadapan, diharapkan kajian ini dapat diperkembangkan dengan melibatkan kesemua universiti awam yang terdapat di Malaysia supaya persekitaran pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia kondusif dan selesa. Hal ini dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi, disamping menaikkan nama Malaysia dipersada dunia.

## Rujukan

Agatha, F. 2011. Kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan dan kemudahan di pusat sumber IPG kampus Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang*, 10: 1- 13.

Aldridge, J.M., Fraser, B.J. & Laugksch, R.C. 2011. Relationships between the school-level and classroom-level environment is secondary schools in South Africa. *South African Journal of Education,* 31(1): 127 – 144.

Anita, W., Hughes, M. & Walkup, V. 2013. *Psychology in education*. England: Pearson Education Limited.

Bennett, J. 2003. *Teaching and learning science: A guide to recent research and its applications*. London: Continuum.

Che Nidzam Che Ahmad. 2011. Aspek-aspek fizikal dan psikososial dalam persekitaran pembelajaran makmal sains. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman & Lilia Halim. 2010. Hubungan ramalan persekitaran pembelajaran makmal sains dengan tahap kepuasan pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia,* 35(2): 19 – 30.

Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman & Lilia Halim. 2014. *Persekitaran pembelajaran aspek fizikal dan psikososial.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, Marzita Putih & Mohd. Hairy Ibrahim. 2013. Pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap tahap keselesaan pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan BITARA UPSI,* 6: 7 – 13.

Chun-Yeh Chang & Yueh-Hsia Chang. 2010. College Science students' perception gaps in preferred-actual learning environment in a reformed introductory Earth Science course in Taiwan. *Journal of Geography in Higher Education,* 34(2): 187 – 203.

Effandi Zakaria & Zanaton Iksan. 2007. Promoting cooperative learning in science and mathematics education: A Malaysia perspective. *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education*, 3(1): 35 – 39.

Fraser, B.J. 1998. Classroom environment instruments: Development, validity and applications. *Learning Environment Research*, 1: 7 – 33.

Kamisah Osman, Che Nidzam Che Ahmad & Lilia Halim. 2011. Students' perception of the physical and psychosocial science laboratory in Malaysia: Comparison across subject and school location. *Procedia social and Behavioral Sciences Journal,* 15: 1650 – 1655.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia (pendidikan tinggi).* Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lei, S.A. 2010. Classroom physical design influencing student learning and evaluations of college instructors: a review of literature. *Education,* 131(1): 128 – 134.

Leong Chee Cheun. 2012. Persepsi mengenai persekitaran makmal Sains sebenar dan diingini dalam kalangan pelajar Sains tingkatan empat sekolah menengah kebangsaan bandar dan luar bandar, Sandakan. *Journal of Applied Research in Education,* 16(1): 43 – 55.

Lomas, C. & Oblinger, D.G. 2006. *Learning spaces: Student practices and their impact on learning spaces*. Washington: EDUCAUSE.

Lukum, A. & Paramata, Y. 2015. Students' satisfaction toward the services of the chemical laboratory. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 4(1): 22 – 29.

Marzita Puteh, Mohd. Hairy Ibrahim, Mazlini Adnan, Che Nidzam Che Ahmad & Noraini Mohamed Noh. 2012. Thermal comfort in classroom: constrants and issues. *Procedia-Social and Behavioral Sciences,* 46: 1834 – 1838.

Nikolic, S., Ritz, C., Vial, P., Ros, M. & Stirling, D. 2015. Decoding student satisfaction: How to manage and improve the laboratory experience. *IEEE Transactions on Education*, 58(3): 151 – 158.

Nurzatulshima, Lilia Halim, Kamisah Osman, & Subahan. 2009. Pengurusan Penglibatan Pelajar dalam Amali Sains. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34: 205-217.

Saidatul Ainoor Shaharim, Che Nidzam Che Ahmad & Hafsah. 2013. Hubungan persekitaran pembelajaran dengan tahap keselesaan pembelajaran Biologi: Satu tinjauan awal. *Prosiding 4th International Conference of ASEAN Studies on Integrated Education and Islamic Civilization UKM-UNIMED,* hlm. 169 – 177.

Siti Syazwani Abdul Mubin. 2014. Pengaruh persekitaran sekolah terhadap motivasi, sikap dan pencapaian akademik pelajar orang asli. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zandvliet, D.B. 1999. The physical and psychosocial environment associated with classroom using new information technologies: A cross-national study. Thesis PhD. Curtain University of Technology.